



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

***Ministry of Agriculture and Food Industries***

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **'JACKFRUIT RENDANG' DAPAT SAMBUTAN LUAR BIASA DI BELANDA** **SEMPENA MALAYSIA FOOD & FRUITS WEEK (MFFW) 2021**

Program *Malaysia Food & Fruits Week* (MFFW) telah dilaksanakan oleh Pejabat Perwakilan Pertanian Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di The Hague, Belanda pada 25 September – 2 Oktober 2021 dengan kerjasama pasaraya Wah Nam Hong, Kedutaan Besar Malaysia di The Hague, MATRADE, Tourism Malaysia dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Pasaraya Wah Nam Hong merupakan antara pasaraya Asia terawal yang mempunyai 5 cawangan di Belanda. Program ini bertujuan untuk mempromosikan buah-buahan tropika seperti manggis, belimbing, markisa, pithaya, nangka dan durian. Pengunjung telah didedahkan dengan aktiviti '*fruit and food tasting*' dan '*fruit cutting demonstration*'.

Di samping itu juga, pelbagai kuliner seperti nasi lemak, serawa durian serta produk berasaskan durian telah diperkenalkan. Program ini juga telah mendapat liputan atas talian melalui kehadiran '*food reviewers & bloggers*'. Di antara menu yang menjadi tarikan utama adalah seperti 'jackfruit rendang' yang boleh dijadikan sebagai alternatif kepada penggemar makanan *vegan*. Melalui program ini juga, didapati penerimaan durian jenis 'Musang King' adalah amat menggalakkan di kalangan penduduk tempatan. Di antara kejayaan lain program ini adalah lebih banyak produk makanan Malaysia mula diimport oleh pihak pasaraya termasuk produk-produk usahawan di bawah bimbingan FAMA. Jumlah jualan produk makanan Malaysia secara 'in-store' juga telah meningkat sehingga 50% berbanding tanpa sebarang usaha promosi.

Menurut Duta Besar Malaysia ke Belanda, Dato' Nadzirah Osman yang juga telah merasmikan program tersebut, kerjasama strategik seperti ini akan dapat memastikan lebih banyak buah-buahan dan produk makanan diimport dari Malaysia. Walaupun berdepan cabaran pandemik COVID-19, ianya bukan menjadi penghalang untuk meneruskan usaha promosi di negara tersebut. Program yang dilaksanakan ini juga adalah mengikut SOP yang ditetapkan oleh Kerajaan Belanda.

Setiausaha Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan MAFI, Encik Khalid bin Ibrahim berkata, penggunaan media sosial melalui kehadiran para '*influencers*' dan '*food bloggers*' secara berterusan adalah amat bertepatan dengan usaha

mempromosikan makanan serta buah-buahan tropika Malaysia khususnya di rantau Eropah. Menurut beliau lagi, Pejabat Pertanian MAFI di The Hague juga sentiasa proaktif untuk memberikan khidmat nasihat dan bimbingan kepada pihak industri yang berminat untuk menerokai sektor pasaran pertanian di Eropah dari masa ke semasa.

Pejabat Perwakilan Pertanian MAFI di The Hague, Belanda merupakan pejabat serantau yang meliputi pasaran 33 buah negara iaitu United Kingdom (UK), 27 negara Kesatuan Eropah, 4 negara *European Free Trade Association* (Iceland, Liechtenstein, Norway & Switzerland) dan Russia. Di antara fungsi pejabat ini adalah untuk memperluaskan akses pasaran, memberikan khidmat nasihat berkaitan keperluan sanitari & fitosanitari (SPS), keperluan import & eksport bagi produk pertanian dan mempertingkatkan kerjasama dalam bidang teknologi pertanian serta pelaburan.

Disediakan oleh:

**PEJABAT PERWAKILAN PERTANIAN (THE HAGUE)  
2 DISEMBER 2021**